

19/11/2000

Umno terbuka kepada golongan muda

KUALA LUMPUR: Umno kini lebih terbuka kepada semua orang Melayu dan Bumiputera lain, di samping membuka pintu luas untuk penyertaan golongan muda, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, disebabkan itu juga ia menubuhkan Puteri Umno bagi membolehkan mereka yang tidak begitu selesa menyertai Pergerakan Wanita untuk berbuat demikian melalui saluran Puteri.

"Kita mahu lebih ramai orang muda menyertai (Umno) pada peringkat usia yang masih muda. Bagi tujuan itu juga, walaupun tidak membabitkan pindaan, kita meminta Pergerakan Pemuda untuk berusaha membawa masuk mereka yang masih muda.

"Ini sudah tentu akan membolehkan ahli baru memahami perjuangan Umno dan matlamatnya. Ini yang amat penting," katanya dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Khas Umno ditangguhkan petang ini.

Dr Mahathir berkata, bagi menarik minat lebih ramai menyertai Umno, parti itu meminda perlembagaan bagi membolehkan peringkat cawangan mendaftar dan meluluskan permohonan menjadi ahli.

Katanya, peringkat cawangan boleh membuat laporan sama ada seseorang itu sesuai atau tidak untuk diterima menjadi ahli, manakala Majlis Tertinggi (MT) akan menyiasat latar belakang ahli baru supaya Umno tidak menerima orang yang tidak sesuai menganggotainya.

"Semua orang Melayu atau Bumiputera berhak menjadi ahli... kita membuka parti kepada lebih ramai orang," katanya.

Ditanya apakah mesej Umno kepada rakyat Malaysia lain di luar parti itu melalui tindakan meminda perlembagaannya, Perdana Menteri berkata ia adalah untuk menunjukkan bahawa parti berkenaan mengamalkan sikap terbuka dan dibuka kepada semua Bumiputera dan Melayu.

Katanya, Umno juga akan terus komited dengan pendiriannya untuk terus bekerjasama dengan rakan parti komponen lain dalam Barisan Nasional (BN) dan mahu menunjukkan ia bukan parti pelampau tetapi matlamatnya konsisten sejajar dengan kehendak masyarakat pelbagai kaum.

(END)